

NO. SOALAN: 208

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL

RUJUKAN : 9743

SOALAN:

Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Jho Low melakukan kesalahan imigresen dengan memegang dua pasport Amerika dengan nama berlainan,seperti yang dinyatakan di dalam testimoni perbicaraan kes 1MDB di Singapura.

JAWAPAN:

Untuk makluman, Malaysia tidak mengiktiraf dwi kerakyatan. Rakyat Malaysia perlu memilih satu kerakyatan sahaja sama ada kekal sebagai rakyat Malaysia atau menolak kerakyatan.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga boleh melucutkan kerakyatan mana-mana rakyat Malaysia yang didapati mempunyai dwi kerakyatan dengan bukti yang mencukupi. Dalam kes Jho Low, Kerajaan melalui KDN boleh mengambil tindakan melucutkan kewarganegaraan beliau sekiranya terbukti beliau sememangnya memegang 2 pasport Amerika dengan nama yang berlainan.